



**Nama Pelukis : Ruzaiqa Omar Basaree**

**Tajuk Karya Koleksi Negara : Siri Dungun**

### **PENGENALAN DIRI PELUKIS, PENDIDIKAN DAN KERJAYA**

Ruzaiqa Omar Basaree merupakan anak kelahiran George Town, Pulau Pinang telah dilahirkan pada tanggal 23 Ogos 1948. Anak kelahiran Pulau Mutiara ini merupakan anak kepada pasangan pelukis kaligrafi negara iaitu Haji Omar Basaree dan Fatimah Abdul Kadir. Dilahirkan dan membesar dalam situasi darurat di Tanah Melayu ketika itu telah menzahirkan kecekalan Ruzaiqa membentuk jati diri terutamanya dalam bidang pendidikan. Ruzaiqa melalui zaman persekolahan pertamanya di Sekolah Melayu Dato' Keramat (kini sekolah tersebut dijadikan sebuah pusat bagi kanak-kanak terencat akal). Ruzaiqa menduduki bangku Sekolah Melayu Dato' Keramat pada ketika itu dari tahun 1 hingga tahun 4. Kemudiannya Ruzaiqa meneruskan Special Malay 1 dan 2 di Northam Road Girl's School (Jalan Sultan Ahmad Shah), George Town. Setelah tamat sesi persekolahan peringkat rendah, Ruzaiqa meneruskan pengajian menengahnya di sekolah hebat The St. George's Girl's School (kini dikenali sebagai Sekolah Menengah Kebangsaan (Perempuan) St. George) di Jalan Macalister, George Town, Pulau Pinang. Ruzaiqa amat bertuah kerana dapat meneruskan pengajian di Sekolah Inggeris berbanding rakan-rakan seusia yang tidak mempunyai kesempatan untuk belajar. Sejak di zaman persekolahan lagi, Ruzaiqa sudah menunjukkan minat yang mendalam terhadap bidang seni. Minat dan kesungguhan dalam bidang seni ini juga dipengaruhi oleh darah seni bapanya, Omar Basaree yang mengalir di dalam tubuhnya. Ruzaiqa dapat membuktikan kepada diri dan keluarganya bahawa melanjutkan pelajaran dalam bidang seni juga boleh berjaya.

### **PENDIDIKAN DAN KERJAYA**

Selepas tamat Sijil Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu / *Malaysian Certificate of Education* (MCE), pada tahun 1968 Ruzaiqa telah mendapat tawaran untuk

melanjutkan pelajarannya di Institut Teknologi Mara (ITM) dalam Kajian Seni Lukis dan Seni Reka.

Selepas menamatkan pengajian Diploma Seni Lukis dan Seni Reka di ITM Petaling Garden, Jalan Othman dan Seksyen 17, Petaling Jaya (1968-1972), Ruzaika melanjutkan pelajaran dalam Diploma Perguruan Pengajian Seni selama setahun juga di ITM Petaling Jaya. Setelah tamat pengajian, Ruzaika telah berhijrah ke Dungun, Terengganu selama 7 tahun (1975-1982). Ruzaika menjadi Pensyarah di ITM Dungun, Terengganu pada ketika itu. Kecekalannya menuntut ilmu diteruskan dengan melanjutkan pelajaran dalam Sarjana Sastera Pendidikan Seni di University of Illinois, Urbana Champaign (USA) selama dua tahun (1982-1984). Pada tahun 2003, Ruzaika telah dianugerahkan Doktor Falsafah dengan tesisnya yang bertajuk *Art, Mathematics and Philosophy: Geometrical and Cosmological Principles in Traditional Malay Art and Design* di Universiti Malaya.

Kerjaya Ruzaika diteruskan apabila telah dilantik menjadi pengajar (tutor), Kursus Asas / Foundation Course di Kajian Seni Lukis dan Seni Reka, ITM Shah Alam pada ketika itu antara tahun 1987 hingga 2000. Selama 13 tahun menjadi pengajar (tutor) Kursus Asas, Ruzaika telah dilantik menjadi Pensyarah pada tahun 2001 hingga 2004 di Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam. Pada tahun 2005 hingga 2006, Ruzaika telah menjadi Pensyarah di Fakulti Pendidikan, UiTM Shah Alam. Seterusnya pada tahun 2006 hingga 2013 Ruzaika menjadi Pensyarah di Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, UiTM Shah Alam. Selama tempoh 38 tahun Ruzaika menabur bakti sebagai pendidik anak bangsa di UiTM. Dari ITM Dungun, Terengganu sehinggalah ke UiTM Shah Alam. Satu tempoh yang telah menyimpan kenangan nostalgia dalam dirinya. Minatnya untuk mendidik diteruskan apabila menjadi Felo Penyelidik dan Penyelaras Program Seni Visual di Pusat Kebudayaan, Universiti Malaya dari Mei 2013 hingga Jun 2015. Kemudian beliau ditawarkan posisi Pensyarah Kanan mulai Jun 2015 hingga Julai 2017. Di Universiti Malaya, Ruzaika mengajar dalam mata pelajaran Seminar in Visual Art Theory dan Seminar in Islamic Art.

Minat tanpa jemu yang ada di dalam diri Ruzaika untuk menuntut ilmu sehingga ke peringkat tertinggi seharusnya dijadikan tauladan oleh generasi muda. Sifatnya yang mudah menerima pendapat, merendah diri serta mudah berkongsi ilmu amat disenangi oleh anak didik dan rakan sekerjanya. Tidak hairanlah kebanyakan anak didiknya masih mengingati serta menyayangi beliau walaupun telah berpuluh-puluh tahun. Ternyata kenangan bersama Ruzaika amat terkesan di hati setiap anak didiknya. Suatu kepuasan di dalam diri Ruzaika apabila telah banyak melahirkan pelukis-pelukis hebat tanah air melalui hasil didikannya. Ruzaika juga boleh tersenyum bangga kerana anak-anak didiknya berjaya dalam pelbagai lapangan yang diceburi terutamanya bidang seni. Ruzaika bukan sahaja seorang pendidik berjiwa

besar, beliau juga merupakan ahli akademik disegani malah pelopor seni yang memartabat tradisi tempatan melalui pengkaryaan.

Artis-artis seperti Ismail Zain, Redza Piyadasa dan Sulaiman Esa yang pernah dikenalnya pada tahun-tahun awal penglibatannya dalam bidang seni dahulu mempunyai pandangan-pandangan yang mantap mengenai apakah yang menandakan dan mencirikan inovasi dalam perkembangan seni. Ini telah merangsang Ruzaika Omar Basaree untuk mencari dan mempertimbangkan pelbagai pendekatan yang harus diambil dan kemudiannya memilih gaya-gaya terbaik menepati niat serta prinsip keseniannya. Ruzaika juga amat bertuah kerana pernah menjadi pelajar kepada Dr. Choong Kam Kow semasa menuntut di ITM ketika itu. Ruzaika juga merupakan rakan seangkatan dan sekelas Normah Nordin dan Wairah Marzuki dalam Kajian Seni Halus di ITM Petaling Garden, Petaling Jaya pada ketika itu. Manakala semasa di ITM Dungun, Ruzaika bergaul rapat dan bertukar pandangan dalam dunia seni bersama para rakan pensyarahnya iaitu Wan Ahmad, Khatijah Sanusi, Fauzan Omar dan Zaleha Zainuddin.

## **KOLEKSI NEGARA – SIRI DUNGUN**

Balai Seni Negara mempunyai sebuah karya Ruzaika Omar Basaree bertajuk '**Siri Dungun**' dihasilkan pada tahun 1979. Bahan bagi karya '**Siri Dungun**' adalah ukiran kayu dan cat emulsion berukuran 171 cm x 76 cm. Apabila dihayati bukaan kedua-dua jendela karya '**Siri Dungun**' ini menggambarkan pandangan penglihatan pengunjung adalah gambaran dari luar rumah Melayu. Pelukis cuba berinteraksi dengan pengunjung secara mendalam dengan bayangan lukisan yang sengaja dilukis menyoroti konsep berkenaan realiti dan ilusi. Karya '**Siri Dungun**' diolah dengan teknik asemblaj dengan memasukkan ke dalam karya-karya itu panel-panel ukiran kayu jendela yang sebenar dan objek-objek *readymades*, dengan ruang ilusinya dibentuk oleh imej-imej dua dimensi yang dilukis dan dicatan bagi menimbulkan ilusi tiga dimensi pada objek-objek berkenaan. Sapuan cat emulsion pada permukaan kayu menampakkan ketelitian pelukis terutamanya dalam memberikan penekanan kepada ukiran-ukiran bermotifkan flora. Teknik pengulangan ukiran disusun indah menampakkan kelestarian pelukis mengembangkan idea fungsi pengedaran udara rumah tradisional Melayu melalui tebuk-tebuk ukiran kayu jendela pada alam nyata sehari-hari.

Memandang serius kepentingan karya pelukis bertajuk '**Siri Dungun**', tahun 1979 ini mengungkapkan rasa kecintaan serta citra identiti negara yang memuncak kepada tanah air. Maka Balai Seni Negara telah membuat perolehan secara belian terhadap karya tersebut iaitu pada tahun 1981 dengan rekod daftar BSLN 1981.008.

## **ANALISA KARYA**

Sepanjang penglibatannya selama 38 tahun yang lalu pelukis begitu berminat dengan reka corak motif-motif cantik dan halus yang terdapat pada karya-karya seni ukiran Melayu. Minat itu mula lahir ketika pelukis menjadi Pensyarah Kursus Asasi Kajian Seni Lukis dan Seni Reka di kampus cawangan Institut Teknologi Mara, Dungun, Terengganu pada tahun 1975. Pada saat itu, pelukis melalui fasa mencari dan mempersoal halatuju seni dari sudut asal-usul dan identitinya. Apa yang sebenarnya menjadi pendorong buat pelukis untuk mencari asal-usul dan identiti itu adalah resolusi Kongres Kebudayaan Kebangsaan 1971.

Perkembangan dan halatuju seni pelukis bertitik tolak dari dalam diri dan diinspirasi oleh warisan tradisi serta budaya tersendiri, tidak lagi meniru aliran-aliran dan gaya-gaya internasionalisme dari luar yang sedang mendominasi arus perdana pada ketika itu. Maka dengan keghairahan dan kecintaan terhadap tradisi ini telah membuahkan idea pelukis menghasilkan karya berkonsepkan jendela. Pelukis jelas memaparkan ciri-ciri arca dalam karya 'Siri Dungun' ini. Karya telah dibuat dan dipasang dengan keseimbangan harmoni dengan menggunakan ukiran-ukiran kayu lama, lalu membangkitkan suasana yang sering dialami di rumah-rumah Melayu tradisional.

### Rujukan

- >Temu bual bersama pelukis pada 23 Mei 2016 (Isnin) di studio beliau.(10.00pagi- 2.00 petang)
- >Katalog Pameran Solo Ruzaika Omar Basaree, Simbiosis Keharmonian Seni Tradisional dan Seni Kontemporari.
- >Iventori Himpunan Tetap Balai Seni Negara

Disediakan oleh,

Rohaitulraha Abd. Rahman  
Penolong Kurator  
Bahagian Pameran  
Balai Seni Negara